

## BAB ENAM

### Kesimpulan dan Penutup

#### 6.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab terakhir bagi kajian ini. Dalam bab ini penulis akan membentangkan rumusan kajian ini secara menyeluruh berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Antara perkara-perkara yang menjadi paksi kepada rumusan kajian ini ialah riwayat hidup, ketokohan dan kewibawaan Imam Al-Nawawi: dalam bidang keilmuan, kewibawaan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, balaghah hadis Rasulullah s.a.w, teori *al-'Isti'a:rat*, *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis tersebut di kalangan guru-guru berkaitan di Semenanjung Malaysia. Selain dari rumusan, penulis juga akan membentangkan cadangan berkaitan kajian dan cadangan kajian lanjutan agar kajian ini dapat memberi sumbangan ilmiah kepada para ilmuwan dan pencinta bahasa al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w.

#### 6.1 Rumusan Kajian

Rumusan ini merupakan jawapan kepada persoalan kajian dan dapatan kepada objektif kajian yang telah dibentangkan dalam Bab Pertama. Selain itu, ia merangkumi dapatan penting kajian secara menyeluruh. Berikut adalah rumusan kajian berdasarkan kepada perkara-perkara yang menjadi paksi kepada kajian ini.

##### 6.1.1 Riwayat Hidup, Ketokohan dan Kewibawaan Imam Al-Nawawi: Dalam Bidang Keilmuan

1. Beliau ialah al-Shaykh al-Imam al-<sup>c</sup>Alla:ma<sup>t</sup> Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: bin Sharaf bin Muri: bin Hasan bin Husain bin Hazam bin Muhammad bin Jum<sup>c</sup>at al-Nawawi: al-Sha:f*i*:.. Gelarannya 'Abu: Zakariyya:.. Beliau terkenal dengan

panggilan al-Nawawi: atau al-Nawa:wi: dinisbahkan kepada kampung tempat kelahirannya, iaitu Nawa. Bapanya terkenal dengan ketakwaan, kesalihan dan kewarakaran. Beliau merupakan ahli perniagaan. Beliau meninggal dunia sembilan tahun selepas kewafatan Imam al-Nawawi:, semasa beliau berusia melewati 70 tahun.

2. Imam al-Nawawi: dilahirkan pada sepuluh hari pertama bulan Muharam tahun 631H di Nawa, salah sebuah perkampungan Syam berhampiran Damsyik. Beliau menetap di kampungnya sehingga berusia 18 tahun. Dalam tempoh tersebut kebanyakan waktunya dihabiskan dengan menghafaz al-Quran dan mempelajari beberapa ilmu selain dari membantu bapanya di kedai. Melalui bimbingan Sheikh Ya:si:n bin Yu:suf al-Zarkashi: dan juga perhatian daripada ayahnya, beliau telah berjaya menghafaz al-Quran menjelang usia baligh dan mempelajari asas permulaan dalam ilmu-ilmu asas yang diperlukan di peringkat-peringkat berikutnya.

3. Beliau sampai di Damsyik bersama ayahnya semasa berusia 19 tahun pada tahun 649 H untuk menimba ilmu. Imam al-Nawawi: menetap di Damsyik selama 28 tahun. Di sini beliau menghabiskan usianya dengan belajar, mengajar, mengarang dan beramal sehingga beliau wafat. Ulama yang pertama ditemuinya ialah Imam dan juga khatib Masjid al-Ja:mi<sup>c</sup> al-'Umawi: iaitu Sheikh Jama:l al-Di:n <sup>c</sup>Abd al-Ka:fi: bin <sup>c</sup>Abd al-Malik bin <sup>c</sup>Abd al-Ka:fi: al-Raba<sup>c</sup>i: al-Demashqiyy(m.689H). Imam tersebut kemudiannya membawa Imam al-Nawawi: ke majlis ilmu mufti Syam, Ta:j al-Di:n <sup>c</sup>Abd al-Rahma:n bin 'Ibra:hi:m bin Diya:' al-Faza:ri: yang dikenali dengan panggilan 'Ibn al-Firka:h(m. 690H).

4. Dengan kesungguhan yang disertai dengan kewarakaran, muraqabah, kesucian diri dan kesungguhan untuk mencapai keredaan Allah SWT beliau telah menghafaz hadis, ilmu-ilmu hadis, perawi-perawinya, hadis-hadis sahih dan daif. Kesungguhan beliau di dalam menuntut ilmu dan keengganan beliau mendampingi orang ramai kerana kesibukan dengan ilmu berjaya memikat hati gurunya. Beliau telah dilantik sebagai

tutor pada halakah gurunya bagi kebanyakan kumpulan. Imam al-Nawawi: sangat tekun mencari ilmu selama 20 tahun, sehingga menguasai beberapa disiplin ilmu agama, seperti Hadis dan Ilmu Hadis, Fiqah dan Usul Fiqah serta bahasa Arab. Pelajaran Hadis khususnya diperolehi daripada ulama Hadis Abu 'Ishaq 'Ibrahi bin 'Isa al-Muraidi:, Usul fiqah daripada al-Qadi al-Tafti:s: dan fiqah daripada al-Kama'l 'Ishaq al-Maqri: dan Shams al-Din Abd al-Rahman al-Maqri:. Kitab-kitab hadis seperti *al-Kutub al-Sittat*, *al-Musnad* dan *al-Muwatta'* dikuasainya.

5. Sejak berusia 25 tahun hingga wafat (656-676H/1257-1277M), Imam Nawawi: telah memberi sumbangan yang amat besar dalam penulisan. Beliau telah menghasilkan enam ratus enam puluh (660) buah kitab sebagaimana dinyatakan oleh Imam al-Zahabi:. Kitab karangan beliau yang paling popular di kalangan pengikut mazhab Syafii ialah *Minha:j al-Ta:libi:n*. Rentetan daripada kemunculan kitab itu, maka lahirlah kitab *Tuhfat* karangan Sheikh 'Ibn Hajar dan kitab *al-Niha:yat* karangan al- Sheikh al-Ramli: sebagai ulasan kepada kitab *Minha:j al-Ta:libi:n*. Karya-karya beliau menjadi rujukan umat Islam sepanjang zaman.

6. Semasa berusia 34 tahun, iaitu pada tahun 665H selepas al-Sheikh Shiha'b al-Din 'Abu Sha'mat, beliau dilantik sebagai guru di *Dar al-Hadi:th al-'Ashrafiyyat* di Damshik tanpa menerima imbuhan atau gaji. Beliau menyandang jawatan tersebut sehingga ke akhir hayatnya. Beliau tidak menerima hadiah daripada seseorang kecuali beberapa kali dan hanya makan makanan yang dibawa bapanya. Selain dari itu beliau memakai pakaian daripada kapas dan serban berwarna putih uban. Keadaan ini menggambarkan kesederhanaan dan kezuhudan beliau dalam kehidupan.

7. Kepakaran dan sumbangan al-Nawawi: dalam bidang keilmuan amat terserlah dalam bidang hadis, fiqah dan bahasa Arab. Imam al-Nawawi: merupakan ulama yang paling istimewa dari kalangan ulama sezaman dengannya kerana beliau mendalamai ilmu Fiqh dan ilmu al-Hadi:th. Kebiasaan ulama terdahulu termasuk ahli hadis tidak

menjelaskan sumber hadis dengan jelas dalam karya-karya tulisan mereka, demikian juga mereka tidak menyatakan kedudukan hadis samada sahih atau daif. Keadaan ini berlarutan sehingga muncul Imam al-Nawawi:. Beliau telah membincangkan hadis, menjelaskan sumbernya dan menyatakan kedudukan hadis dari segi kesahihannya dalam karya-karya beliau dalam bidang Fiqh.

8. Kealiman beliau dalam bidang hadis mencakupi semua ilmu hadis. Beliau menguasai ilmu tersebut setara dengan ulama-ulama besar pada zamannya sebagaimana terbukti pada karya-karaya tulisan beliau dalam bidang fiqh dan hadis. Sebagai contoh dalam bidang *mustalah al-hadi:th* beliau telah meringkaskan kitab ‘*Ulu:m al-Hadi:th*’ karangan ’Ibn Sala:h. Beliau menamakan ringkasan tersebut dengan nama *al-'Irsha:d*. Demikian juga kitab *al-Taqri:b* yang merupakan ringkasan kitab *al-'Irsha:d*. Selain dari itu, beliau juga mensyarahkan mukadimah *Sahi:h Muslim* berkaitan dengan ilmu *Mustalah al-Hadi:th*.

9. Selain dari menguasai ilmu-ilmu hadis, beliau juga alim dalam bidang *fiqh al-hadi:th* yang jarang dikuasai ulama-ulama lain yang sezaman dengannya. Ini kerana kebanyakan ulama hadis pada zaman tersebut lebih memberi perhatian terhadap pengumpulan hadis, ulasan terhadapnya, pengenalan sanad-sanad hadis dan perlumbaan mereka dalam mendapatkan sanad teratas.

10. Keilmuan dan kesarjanaan Imam al-Nawawi: dalam bidang hadis dan fiqah di samping bidang-bidang yang lain tidak menyumbang kepada penglibatan beliau dalam bidang tafsir al-Quran al-Kari:m secara langsung. Tidak terdapat hasil karya beliau dalam bidang tafsir. Bagaimanapun penglibatan beliau dalam pentafsiran al-Quran jelas kelihatan dalam kitabnya *Sharh Muslim* dan *Fata:wa: al-'Ima:m al-Nawawi:* yang dikumpul oleh muridnya Sheikh ‘Ala:’ al-Di:n ’Ibn al-‘Atta:r. Dalam kedua-dua kitab tersebut ayat-ayat al-Quran ditafsirkan dengan jelas.

11. Dalam Bidang Fiqah, Imam al-Nawawi: telah mempelajari ilmu *Fiqh al-Sha:fi<sup>c</sup>i*: daripada ulama-ulama terkenal pada zamannya. Pada masa yang singkat beliau telah menghafaz fiqah, mendalaminya, mengetahui kaedah-kaedah dan usulnya dan memahami rahsia-rahsia serta menguasai dalil-dalilnya sehingga beliau mengetahui *al-<sup>c</sup>A:mmat* dan *al-Kha:ssat*. Dalam masa yang singkat beliau telah menjadi ulama yang paling alim pada zamannya dan layak bergelar *muharrir al-madhab* (editor doktrin). Beliau telah mencapai darjat mujtahid mutlak sebagaimana dinyatakan sebelum ini. Al-'Asnawi: telah memberi sanjungan kepada Imam al-Nawawi: sebagai pengulas, pengkritik dan penyusun pendapat mazhab-mazhab.

12. Imam al-Nawawi: dianggap sebagai seorang *murajjih*, iaitu seorang yang mengutamakan satu pendapat yang dipilihnya di antara beberapa pendapat Imam Shafii atau pendapat fuqaha mazhabnya dalam masalah tertentu. Pengutamaannya itu adalah berdasarkan kepada dalil pendapat tersebut mengikut pandangannya sendiri. Selain dari itu beliau seringkali mendatangkan pandangan dari beberapa mazhab termasuk mazhab Syafii lalu mentarjihkan pandangan tersebut dengan merujuk kepada hadis.

13. Dari segi pendirian, Imam al-Nawawi: bersikap sederhana dan anjal dalam pandangan beliau terhadap institusi fiqah empat mazhab dan institusi-institusi fiqah yang lain. Kesederhanaan beliau dalam masalah fiqah amat jelas dalam fatwa-fatwa beliau dalam kitabnya *al-Fata:wa:*.

14. Selain dari bidang hadis dan fiqah, Imam al-Nawawi: juga menguasai dan mempunyai sumbangan yang besar dalam bidang Bahasa Arab. Sheikh <sup>c</sup>Abd al-Ghani: al-Daqr dengan tegas menyatakan penguasaan Imam al-Nawawi: dalam bidang bahasa Arab mengatasi ulama-ulama lain yang sezaman dengannya, bahkan beliau merupakan pakar dan penganalisis bahasa Arab.

15. Antara kitab beliau yang terkenal dalam bidang bahasa Arab ialah kitab *Tahri:r al-Tanbi:h*. Kitab ini menyerupai kitab *al-Misba:h al-Muni:r Fi: Ghari:b Sharh al-*

*Kabi:r* yang merupakan ulasan kepada lafaz-lafaz yang kabur dalam kitab fiqah mazhab Syafii. Bagaimanapun kitab *al-Tanbi:h* merupakan ringkasan yang meliputi segala permasalahan, manakala kitab *al-Misba:h* pula mempunyai keistimewaan dari segi susunannya bardasarkan huruf *mu<sup>c</sup>jam* dan bilangan perbendaharaan katanya yang banyak. Selain dari kitab *Tahri:r al-Tanbi:h*, kitab *Tahdhi:b al-'Asma:' Wa al-Lugha:t* juga merupakan kitab karangan Imam al-Nawawi: yang popular. Ia merupakan kitab yang dihasilkan bagi menjelaskan nama-nama dan bahasa dalam kitab-kitab fiqah yang besar dan diperakui dalam mazhab Syafii. Antara kitab-kitab tersebut ialah : *Mukhtasar al-Mazani:*, *al-Muhadhdhab* dan *al-Tanbi:h* karangan 'Abu: 'Isha:q al-Shi:ra:zi:, *al-Wasi:t* dan *al-Waji:z* karangan Imam al-Ghaza:li: dan kitab *al-Rawdat* karangan Imam al-Nawawi:.

16. Kitab *Tahri:r al-Tanbi:h* dan kitab *Tahdhi:b al-'Asma:' Wa al-Lugha:t* menggambarkan penguasaan Imam al-Nawawi: dalam bidang bahasa Arab yang sukar ditandingi ulama sezaman dengannya. Di sini dapat disimpulkan bahawa penguasaan Imam al-Nawawi: dalam bidang bahasa Arab merupakan asas yang kuat mendorong beliau menguasai ilmu-ilmu lain, seperti fiqah dan hadis. Situasi seperti ini menjadi tradisi para ulama zaman silam sebagaimana yang dilalui Imam Syafii.

17. Imam al-Nawawi: bermazhab salaf. Kadang-kadang beliau membuat takwil mengikut metodologi ulama *muta'akhkiri:n*. Banyak pandangan beliau berdasarkan usul akidah ahli Sunah dipaparkan dalam kitabnya *Sharh Muslim*. Bagaimanapun guru beliau dalam ilmu Tauhid tidak dapat diketahui dengan jelas dan diyakini bahawa beliau belajar daripada salah seorang gurunya. Imam al-Ya:fi:i dan Imam al-Ta:j al-Subki: r.a bertegas menyatakan bahawa beliau bermazhab 'Ash <sup>c</sup>ari:. Beliau mempunyai risalah dalam ilmu Tauhid yang dinamakan *al-Maqasid*. Risalah ini merupakan hasil tunggal penulisan beliau dalam ilmu Tauhid. Dalam masalah fiqah beliau bermazhab Syafii. Beliau telah mencapai darjat mujtahid mutlak dan tetap setia kepada mazhab Syafii.

18. Imam al-Nawawi: meninggal dunia dalam usia 45 tahun. Dia tidak pernah berkahwin hingga ke akhir hayatnya. Beliau jatuh sakit di pangkuan kedua ibubapanya dan meninggal dunia pada malam Rabu, 24 Rejab tahun 676H. Beliau dikebumikan di perkampungannya.

### **6.1.2 Kewibawaan Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n***

1. *Riya:d al-Sa:lihi:n* bermaksud taman orang-orang yang salih. Berdasarkan kandungan, dapat disimpulkan bahawa kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* merupakan kitab hadis yang menghimpunkan hadis-hadis berkaitan dengan *al-Raqa:'iq*, *zuhud* dan *fada:'il al-'A'ma:l*. Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* selesai disusun pada hari Isnin tanggal 4 Ramadan tahun 670H, enam tahun sebelum Imam al-Nawawi: meninggal dunia. Ia ditulis di *Da:r al-Hadi:th al-'Ashrafiyyat* Damsyik, semasa beliau bertugas sebagai guru di institusi tersebut. Selain dari itu, ia juga menunjukkan kitab ini ditulis pada masa Imam al-Nawawi: telah mencapai kematangan dari sudut usia, keilmuan dan keperibadian, bahkan pada waktu itu Imam al-Nawawi: telah menggapai puncak kecemerlangan dan kegemilangan. Kelahiran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* boleh dikatakan sebagai salah satu usaha Imam al-Nawawi: memperturunkan ilmu berkaitan pendidikan rohani daripada hadis Rasulullah s.a.w kepada umat Islam seluruhnya.

2. Dari segi metodologi penulisan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Imam al-Nawawi: memilih 2000 hadis daripada kitab-kitab hadis yang terdiri daripada hadis-hadis sahih. Kebanyakan hadis dalam kitab ini dipetik daripada kitab *Sahi:h al-Bukha:ri:* dan *Sahi:h al-Muslim*. Imam al-Nawawi: menggunakan istilah *Muttafaq 'alayh* bagi hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukha:ri: dan Imam al-Muslim dan lafaz *Sahi:h* atau *Hasan* bagi hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Turmudhi: atau imam-imam yang lain. Pembaca kitab ini hampir tidak mendapati hadis-hadis yang tidak sahih atau

hasan. Ini menunjukkan keupayaan Imam al-Nawawi: dan kehalusan beliau dalam memilih hadis.

3. Dari segi perawi hadis, beliau hanya menyebut perawi dari kalangan sahabat sahaja. Beliau menjelaskan mana-mana hadis yang diriwayatkan daripada kitab-kitab hadis yang disebut hanya 1 lafaz sahaja sebagaimana pada hadis bilangan 2, 98 dan 196. Demikian juga beliau hanya mendatangkan ayat-ayat al-Quran pada sesetengah bab tanpa mendatangkan hadis sekiranya hadis berkenaan telah disebut sebelumnya sebagaimana pada Bab Renungan terhadap Kebesaran Makhluk Allah SWT. Memandangkan ikrab memainkan peranan penting dalam pemahaman makna hadis, beliau mengikrabkan mana-mana hadis yang memerlukannya sebagaimana pada hadis bilangan 145 dan 316.

4. Dalam pengambilan hadis, Imam al-Nawawi: meriwayatkan hadis dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* bersandarkan kepada sembilan buah kitab hadis, iaitu riwayat Bukha:ri: dan Muslim (sebanyak 774 hadis), riwayat Bukha:ri: sahaja (sebanyak 212 hadis), riwayat Muslim sahaja (sebanyak 511 hadis), riwayat' Abu: Da:wud (sebanyak 214 hadis), riwayat Turmudhi: (sebanyak 274 hadis), riwayat Nasa:'i: (sebanyak 14 hadis), riwayat Hakim (sebanyak 10 hadis), riwayat Imam Ma:lik (sebanyak 3 hadis) dan riwayat Imam lain(sebanyak 7 hadis).

5. Daripada jumlah hadis keseluruhan (1896 hadis) yang terdapat dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* didapati 85.6% daripadanya merupakan Hadis Sahih, 5.7% Hadis Hasan Sahih, 7.7% Hadis Hasan dan 0.9% Hadis Daif. Bagaimanapun di sana terdapat percanggahan pendapat di antara Imam al-Nawawi: dan ulama lain berhubung perakuan beliau. Beliau meriwayatkan segala hadis dalam kitab tersebut bersandarkan kepada tujuh martabat Hadis Sahih. Imam al-Nawawi: menegaskan bahawa secara umumnya hadis-hadis di dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai Sahih dan sebahagian kecil pula ialah hadis Hasan Sahih dan hadis Hasan. Namun begitu panduan penentuan Hadis

Sahih ini kadangkala tidak dipersetujui oleh ulama yang lain seperti, 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh, pentahkik kitab tersebut. Berdasarkan senarai beliau terdapat 17 petikan Hadis Daif dalam kitab ini.

6. Merujuk kepada kenyataan Imam al-Nawawi: bahawa beliau hanya memilih hadis-hadis Sahi:h, al-Syeikh al-'Alba:ni: berpendapat bahawa kenyataan itu bersifat umum dan yang dimaksudkan dengan Sahih ialah hadis-hadis yang kuat, merangkumi Hadis Hasan dan yang lebih tinggi darjatnya daripada Hasan. Istilah ini merupakan istilah yang digunakan oleh para ulama hadis sebelum Imam al-Tirmidhi:. Beliau mempopularkan pembahagian Hadis Makbul kepada Sahih dan Hasan sebagaimana gurunya Imam al-Bukha:ri:.

7. Dalam permasalahan ini, al-<sup>c</sup>Alla:mat 'Ibn al-<sup>c</sup>Alla:n berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan Hadis Sahih ialah Hadis Makbul. Ia merangkumi hadis Hasan, *Hasan Li Ghayrih* dan Hadis Daif yang boleh diterima (pada perkara-perkara berkaitan *fada:’il al-’A<sup>c</sup>ma:l*). Selain dari itu, Syeikh al-'Arna:’u:t menyatakan bahawa kewujudan hadis-hadis daif yang amat sedikit dalam kitab ini(46 hadis) tidak menjaskankan nilai dan keagungannya yang mempunyai 1848 Hadis Sahih. Oleh yang demikian, hadis-hadis daif dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* tidak terkeluar daripada kumpulan hadis-hadis yang diterima pakai. Sekiranya terdapat hadis-hadis daif yang terkeluar daripada kumpulan tersebut, maka ia amat sedikit berbanding hadis-hadis Hasan dan Sahih. Justeru itu, penghujahan berdasarkan kepada umum dan majoriti.

8. Dari segi sambutan ulama, kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* telah mendapat sambutan hangat daripada para ulama seantero dunia. Ulama terawal memberikan perhatian terhadap kitab ini ialah Allamah Syeikh Muhammad 'Ibn al-<sup>c</sup>Alla:n al-Siddi:qi: (m.1057H). Beliau telah mensyarahkan kitab ini secara terperinci merangkumi aspek ilmiah dan hadis dalam kitab yang dinamakan *Dali:l al-Fa:lihi:n Li Turuq Riya:d al-Sa:lihi:n*. Kitab ini mempunyai 4 jilid yang tebal. Selepas daripada usaha beliau,

terdapat ramai dari kalangan ulama memberi perhatian terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sehingga ke hari ini, sama ada mensyarahkan kitab tersebut atau mentahkikkannya atau meringkaskannya. Selain dari itu, terdapat juga ulama yang membuat kajian secara ilmiah tentang kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan tidak kurang juga yang menterjemahkannya.

### **6.1.3 Kedudukan Balaghah Hadis Rasulullah s.a.w, Ciri-ciri dan Keistimewaannya**

1. Kehebatan dan keagungan bahasa Rasulullah s.a.w. merupakan salah satu keistimewaan yang dikurniakan Allah SWT kepada baginda selaku utusanNya ke seluruh alam dan kepada manusia yang berada pada zaman-zaman yang penuh dengan pergolakan, perubahan dan kemajuan material dan peradaban. Kehebatan ini merupakan wahana dan senjata yang paling berkesan dalam menyampaikan risalah Allah SWT. Ia merupakan ikon dan manifestasi kepada risalah yang membawa rahmat ke seluruh alam. Dalam hal ini baginda bersabda :

بَعِثْتُ بِحَوْامِعَ الْكَلِمِ

Maksudnya:

Aku diutuskan dengan *jawa:mi‘ al-kalim*(kata-kata yang ringkas namun luas maksudnya).

2. Hakikatnya *jawa:mi‘ al-kalim* merupakan ekspresi kesempurnaan diri Rasulullah s.a.w. yang agung dan penguasaan pemikiran baginda terhadap kata-kata. Kenyataan Rasulullah s.a.w. tentang *jawa:mi‘ al-kalim* diperkuuhkan dengan ungkapan Sayyidatuna: <sup>c</sup>A:’ishat :

مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَدِّيْقُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسِّرُّ دَكْرَهُ هَذَا، وَلَكِنَّ كَانَ يَتَكَبَّرُ

بِكَلَامٍ بَيْنِ فَصِيلٍ، يَحْفَظُهُ مَنْ جَلَسَ إِلَيْهِ.

Maksudnya :

Percakapan Rasulullah tidak seperti percakapan kamu sekalian, ia jelas dan terperinci sehingga orang yang duduk bersamanya mampu menghafaz ungkapan baginda.

Selain dari ungkapan Sayyidatuna: <sup>c</sup>A:’ishat di atas, Rasulullah s.a.w. bersabda :

أَنَا أَفْصَحُ الْعَرَبِ بَيْدَ أَنِّي مِنْ قَرِيشٍ وَّنَشَّاتٌ مِنْ بَنِي سَعْدٍ بْنِ بَكْرٍ

Maksudnya:

Aku merupakan orang Arab yang paling fasih, aku daripada keturunan Quraisy dan dibesarkan di pangkuan Bani Sa<sup>c</sup>ad bin Bakr.

3. Berdasarkan nas-nas di atas, para ilmuwan Islam, ahli nahu, para perawi hadis, para pengkaji, para penulis dan ahli sejarah bersepakat mengatakan Rasulullah s.a.w. merupakan orang Arab yang paling fasih.
4. Segala keindahan, kekuatan dan keagungan bahasa Rasulullah s.a.w. merupakan hasil pentarbiahan al-Quran yang merupakan kalam Allah yang maha agung. Ia membuktikan keagungan dan kekuasaan Allah SWT selaku pencipta alam semesta. Kedudukan bahasa dan balaghah Rasulullah s.a.w. telah mencapai kemuncak kehebatan bahasa manusia kerana ia disinari oleh cahaya Ilahi. Walaupun demikian, namun ia tidak mencapai darjat kehebatan bahasa al-Quran yang merupakan kalam Allah yang maha agung.
5. Jika ditinjau kesan kesusasteraan Arab Jahiliah dan Islam, didapati masyarakat Arab memberi perhatian yang amat serius terhadap syair, demikian juga mereka bermain bahasa padanya dan mereka menjadikannya sebagai acuan pada setiap aspek berkaitan. Mereka mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tidak dipengaruhi oleh bangsa lain, mereka berbangga dengannya dan menyebut-nyebutnya berulang kali pada pelbagai keadaan. Lalu syair menjadi tempat persaingan dan perlumbaan mereka bagi mencapai ketinggian dan keagungan, ikon kegemilangan mereka dan senjata mereka yang terkenal pada setiap keadaan samada peperangan atau perdamaian, pekerjaan atau perbualan, ibadah atau kelalaian. Hal yang demikian berlainan dengan bahasa hadis Rasulullah s.a.w, di mana beliau tidak menggunakan mana-mana perantaraan yang berupa rekaan yang membebankan dalam komunikasinya. Rasulullah s.a.w. tidak

menerima pengaruh syair dan tidak pernah menyampaikannya kecuali dua rangkap syair dalam bentuk *al-rajz al-manhu:k* dan *al-rajz al-mashtu:r* yang dianggap sebagai *wazn*, bukan syair. Hal ini berlaku kerana kesan al-Quran yang merupakan pembimbing ke atas maksud percakapan Rasulullah s.a.w.

6. Fitrah yang baik dan suasana yang harmoni merupakan faktor penting membantu Rasulullah s.a.w mencapai kecemerlangan dalam percakapan dan komunikasinya mengatasi masyarakat Arab pada masa itu. Beliau banyak berpindah semenjak dari kecil di kalangan kabilah Arab yang paling fasih dan bersih bahasanya serta paling petah mantiknya. Beliau dilahirkan dari Bani: Ha:shim, mendapat susuan dari Bani: Sa<sup>c</sup>ad, dibesarkan di dalam kabilah Quraisy dan berkahwin dengan Bani: 'Asad serta berhijrah kepada Bani 'Umar yang terdiri dari kalangan 'Aws dan Khazraj. Maka keistimewaan-keistimewaan bahasa yang terdapat pada kabilah- kabilah tersebut berhimpun pada diri Rasulullah s.a.w., demikian juga kefasihan mereka.

7. Dari sudut yang lain, dapat diperhatikan bahawa Allah SWT mengurniakan Rasulullah s.a.w. bakat dalam memberi penerangan sehingga beliau mampu menghimpunkan maksud yang banyak dalam ungkapan yang ringkas, petah dan fasih dalam penyampaian dan bersendirian mendatangkan '*ishtiqa:q* daripada perbendaharan bahasa berdasarkan konteks percakapan dan tuntutan konteks nama dan istilah. Beliau telah mencipta banyak kalimah-kalimah baru yang agak aneh bagi orang-orang Arab. Selain dari itu, Rasulullah s.a.w bukan hanya bersendirian dalam mendatangkan kalimah yang baru, bahkan beliau juga bersendirian mendatangkan ayat-ayat yang aneh yang belum pernah digunakan di kalangan orang-orang Arab. Justeru itu banyak perumpamaan Rasulullah s.a.w dapat dikesan. Ia melebihi perumpamaan para sasterawan Arab dan cendikiawan mereka.

8. Hadis Rasulullah s.a.w. menjadi rujukan dan sandaran kepada permasalahan bahasa Arab di samping al-Quran selepas kedatangan Islam hingga ke hari ini.

Keengganan ulama dahulu untuk berdalikan hadis dalam masalah nahu merujuk kepada kewaspadaan mereka daripada bersandarkan kepada hadis daif dan kecermatan mereka dalam menggunakan al-Quran dan hadis sebagai hujjah dalam masalah tersebut.

9. Secara khusus, dapat dilihat bahawa hadis Rasulullah s.a.w. mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan tersendiri. Antara ciri-ciri tersebut ialah ia merupakan bahasa Arab asli di mana lafaz, struktur bahasa, imaginasi, makna dan keseniannya berteraskan kepada acuan Arab yang tulin. Selain itu, ia merupakan bahasa prosa bukan bahasa puisi bersesuaian dengan keagungan kandungannya. Ini kerana dakwah Islam bukan sesuatu yang dipersembahkan dengan syair dan khayalan yang berasaskan kepada perasaan. Selain dari ciri-ciri di atas, ia mempunyai ciri-ciri *alkhulu:s*, *al-Qasd* dan *al-Isti:fa:*.

10. Balaghah hadis Rasulullah s.a.w. mempunyai keistimewaan tertentu, antaranya penggunaan gaya bahasa yang ringkas bersesuaian dengan konteks ayat. Selain itu, semua jenis komunikasi baginda s.a.w mempunyai persamaan dari segi susunan bahasa. Persamaan tersebut juga terdapat pada semua konteks ayat. Demikian juga bahasa Rasulullah s.a.w tidak mempunyai unsur-unsur bebanan (*al-takalluf*), kerana baginda s.a.w ditarbiah oleh Allah SWT dengan fitrah yang istimewa. Ia tidak tunduk kepada keinginan untuk memonopoli kecemerlangan dan bersaing dengan individu-individu lain serta memberi kepuasan kepada para odeon dengan tujuan kemegahan, bahkan ia secara keseluruhannya berasaskan kepada kesatuan topik di mana tidak ada satu ayat terkeluar daripada tujuan dakwah kepada agama Allah SWT. Sementara itu, kepelbagai bentuk komunikasi hadis Rasulullah s.a.w tidak menjadi matlamat kepada komunikasi tersebut, bahkan ia merupakan cara penyampaian yang bergantung kapada keadaan, kerana baginda s.a.w mengetahui bentuk-bentuk komunikasi yang diperlukan secara fitrah. Keistimewaan-keistimewaan tersebut menjadi lebih sempurna dengan kemantapan idea Rasulullah s.a.w. dalam penyampaian beliau.

11. Bahasa Rasulullah s.a.w. tidak tunduk kepada *‘uruf-‘uruf* kritikan sastera dari masa ke semasa dan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain, bahkan disebalik itu isu-isu kritikan sastera tunduk kepada bahasa hadis Rasulullah s.a.w untuk wujud dan menjamin kelangsungannya. Ini kerana bahasa Rasulullah s.a.w. merupakan bahasa yang bersih daripada sebab-sebab kelemahan manusia, murni daripada kecelaruan. Kata-kata Rasulullah s.a.w. merupakan nilai akhlak yang tinggi dan perbendaharaan petunjuk yang agung kepada manusia. Makna pada bimbingan dan nasihat Rasulullah s.a.w. adalah rabbani. Manakala lafaznya pula merupakan persembahan yang menarik bagi maknanya. Hal ini berlaku kerana kesan al-Quran yang merupakan pembimbing ke atas maksud percakapan Rasulullah s.a.w.

#### **6.1.4 Maksud *al-‘Isti‘a:rat*, Unsur-unsur Penting Berkaitan dengannya, Fungsi dan Kesannya dalam Menyampaikan Maksud dan Pembahagiannya**

1. ’Ibn Manzu:r berdasarkan pandangan al-Lihya:ni: mendefinisikan *al-‘Isti‘a:rat* dari segi bahasa dengan maksud pinjaman. Selain dari ’Ibn Manzu:r, <sup>c</sup>Abd al-Rahma:n Hasan al-Habannaka<sup>t</sup> al-Mi:da:ni: juga mendefinisikannya dengan maksud pinjaman. Definisi yang sama turut disepakati oleh Fadl Hasan <sup>c</sup>Abba:s. Selain dari itu, beliau mendefinisikan *al-‘Isti‘a:rat* dengan maksud mengangkat dan mengubah (mengalih), contohnya ayat : استعازَ فلان مِنْ كُنَانِهِ سَهْمًا bermaksud “Si fulan mengangkat dan mengalihkan panah daripada busarnya ke tangan.

2. Dari segi istilah *al-‘Isti‘a:rat* bermaksud penggunaan lafaz tertentu tanpa mengikut makna asal yang ditetapkan berpandukan kepada hubungan keserupaan sifat di antara makna asal dan makna kedua serta wujud *qari:nat* (kaitan) yang menghalang daripada penggunaan makna asal. Di sini jelas menunjukkan bahawa *al-‘Isti‘a:rat* dari segi istilah lahir daripada maksud *al-‘Isti‘a:rat* dari segi bahasa. Selain dari itu perlu dinyatakan di sini bahawa *al-‘Isti‘a:rat* mempunyai banyak definisi dari segi istilah

namun maksudnya secara umum merujuk kepada asas yang sama sebagaimana takrif di atas.

3. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* boleh dirujuk kepada metafora, iaitu pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan). Bagaimanapun masih terdapat perbezaan di antara *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* dan metafora kerana *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama *al-tashbi:h* (samada *al-mushabbah* atau *al-mushabbabih*) dan tidak mempunyai rukun-rukun yang lain, manakala metafora pula mempunyai beberapa keadaan berikut:

- Samada ia mempunyai kedua-dua rukun tersebut atau salah satu daripadanya.
- Samada ia mempunyai wajh *al-shabah* atau tidak.

4. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* mempunyai lima rukun utama, iaitu *musta<sup>c</sup>a:r* (lafaz *al-mushabbabih*), *Musta<sup>c</sup>a:r minhu* (makna *al-mushabbabih*), *Musta<sup>c</sup>a:r lahu* (*al-mushabbah*), *al-<sup>c</sup>Ala:qat al-musha:bahat* (hubungan keserupaan di antara makna hakiki dan makna majazi) dan *al-Qari:nat* (suatu yang menghalang daripada penggunaan makna asal).

5. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* merupakan majaz dari segi penggunaan bahasa dan merupakan *tashbi:h* yang hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama, iaitu lafaz bandingan (*mushabbah*) dan lafaz yang dibandingkan (*mushabbabih*). Pada masa yang sama dihazafkan sifat (*wajh al-shabah*) bagi *mushabba:t* dan *mushabbabih* dan medium perbandingan ('*ada:t al-tashbi:h*). Oleh yang demikian *al-tashbi:h* merupakan asas kepada *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* dan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* merupakan cabang kepada *al-tashbi:h*.

6. Jumhur ulama berpendapat bahawa *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* merupakan *Maja:z Lughawi*. Pandangan ini disokong oleh <sup>c</sup>Abd al-Qa:hir al-Jurja:ni: dalam bukunya '*Asra:r al-Bala:ghat*. Pandangan ini berdasarkan hujah bahawa *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* merupakan hasil pindahan (pinjaman) *al-Musta<sup>c</sup>a:r* daripada maksud asal mengikut penggunaan bahasa

kepada maksud yang lain. Sementara ulama yang lain berpandangan bahawa *al-'Isti'a:rat* merupakan *Maja:z 'Aqli:*, iaitu *Maja:z* yang berasaskan akal bukan bahasa. Pandangan ini dipilih oleh 'Abd al-Qa:hir al-Jurja:ni: dalam bukunya *Dala:'il al-'Ija:z*. Dalam hal ini Syeikh 'Abd al-Rahma:n Hasan Habannakat al-Mi:da:ni: condong kepada pandangan jumhur ulama. Pandangan beliau boleh dijadikan sandaran yang kuat kepada pandangan jumhur ulama. Beliau berpendapat bahawa setiap *al-Maja:z al-Lughawi:* samada *al-'Isti'a:rat* atau *al-Maja:z al-Mursal* bukan sekadar merupakan tindak balas bahasa secara spontan (*harakat 'a:liyat lughawiyyat*) yang sempurna dengan penggunaan lafaz tertentu tanpa mengikut makna asal yang ditetapkan, bahkan setiap majaz mesti mempunyai proses akal atau perasaan dalaman memperbetulkan imaginasi penutur dalam penggunaan lafaz tersebut. Dalam hal ini beliau menegaskan bahawa pemindahan (peminjaman) dalam penggunaan lafaz tidak berlaku pada *maja:z 'aqli:*, bahkan ia merupakan proses pemikiran atau perasaan dalaman semata-mata. Hal ini berbeza dengan *maja:z lughawi:* di mana ia mempunyai unsur pemindahan (peminjaman) tersebut serta bergantung kepada proses pemikiran atau perasaan dalaman.

7. Hakikatnya *al-'Isti'a:rat* mempunyai maksud yang lebih mendalam(*ablagh*) berbanding *al-tashbi:h* kerana penggunaan *al-tashbi:h* tidak dapat dipisahkan daripada dua rukun utama, iaitu *mushabba:h* (pembayang) dan *mushabbahbih* (pembayang maksud) sekalipun penggunaannya secara mendalam (*ablagh*). Ia membayangkan perbezaan di antara *mushabba:h* (pembayang) dan *mushabbahbih* (pembayang maksud). Selain itu, ia menggambarkan hubungan di antara keduanya bersifat persamaan bukan bersifat penyatuan sebagaimana *al-'Isti'a:rat*. Oleh yang demikian menjadi syarat kepada *al-'Isti'a:rat* melupakan *al-tashbi:h* dan menganggap *al-mushabba:h* satu bahagian daripada *al-mushabbahbih*. Dari sudut yang lain dapat dilihat bahawa *al-'Isti'a:rat* menduduki tempat yang lebih tinggi daripada *al-tashbi:h* dari segi keaslian

kerana ia lebih mendalamai gaya bahasa *al-baya:n ghayr al-muba:shir* berbanding *al-tashbi:h*.

8. Fungsi dan kesan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* dalam menyampaikan maksud boleh dikaitkan dengan nilai *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* dari segi balaghah, iaitu ia merupakan gayabahasa ilmu *al-Baya:n* yang mempunyai kehalusan dari segi olahan bahasa dan kesan kepada penutur dan individu kedua, keindahan imaginasi dan kesempurnaan dari segi penyampaian maksud. Ia lahir daripada *al-tashbi:h al-mudmar Fi: al-nafs* (perumpamaan yang disembunyikan di dalam hati) secara sepontan bukan rekaan. Justeru itu situasi pertama yang merupakan tempat kelahirannya dan unsur-unsur utamanya adalah hati.

9. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* mempunyai ciri-ciri keistimewaan sebagaimana *al-maja:z*. Namun ia mengatasi semua jenis *al-maja:z* dari segi kedudukannya yang teratas dan keberkesanannya. Demikian juga ia mempunyai ciri-ciri keistimewaan *al-tashbi:h*, namun ia mengatasinya dari segi kedudukan dan keberkesanannya. Hal ini dijelaskan <sup>c</sup>Abd al-Qa:hir al-Jurja:ni: dalam bukunya “*Dala:'il al-'Ija:z*” bahawa apabila dikatakan “Saya melihat seekor singa” (seorang lelaki yang berani) dengan menghazafkan semua rukun *al-tashbi:h* kecuali *al-mushabbahbih*, maka di sini berlaku kesopanan dalam meletakkan maksud yang diinginkan, iaitu keberanian yang luar biasa. Keadaan ini menjadikannya sesuatu yang pasti berlaku dan sesuatu yang mempunyai dalil yang menunjukkan ianya berlaku. Ini kerana seekor singa mesti mempunyai sifat keberanian dan ketiadaan sifat tersebut menjadi satu perkara yang mustahil. Keadaan ini berbeza dengan penggunaan *al-tashbi:h* yang tidak memberi maksud kepastian, bahkan ia masih kesamaran di antara berlaku atau tidak. Selain dari penjelasan di atas, <sup>c</sup>Abd al-Qa:hir al-Jurja:ni: menyatakan bahawa penggunaan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* dalam pengolahan ayat akan memberikan makna yang banyak dengan penggunaan lafaz yang sedikit.

10. Selain dari keistimewaan di atas *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* mempunyai *maqa:m* (konteks) yang berbeza dari *al-tashbi:h* dan *al-haqi:qat*, di mana *maqa:m al-'Isti<sup>c</sup>a:rat*

merupakan *maqa:m ta'ki:d* atau *maqa:m muba:laghat* (keterlaluan) dalam memberi pujiان atau celaan atau kebanggaan atau seumpamanya. Di samping *maqa:m* tersebut di atas aspek kematangan dan kebijaksanaan para pendengar juga perlu dijadikan sebagai asas pertimbangan keberkesanan sesuatu komunikasi.

11. *Bala:ghat al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* dapat dilihat dengan jelas pada fungsi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* sebagaimana berikut :

1. Kebanyakan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* digunakan sebagai kekuatan dan pengaruh kepada para pendengar.
2. Pengaruh *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terhadap perasaan dan jiwa manusia bergantung kepada imaginasi, persembahan imaginasi dan sifat sesuatu perkara dalam bentuk objek sebagaimana lukisan dan fotografi.
3. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* menggambarkan sesuatu yang bersifat maknawi sebagai objek yang boleh dicapai oleh pancaindera. Maka ia mempunyai kesan yang amat mendalam.
4. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* memberi kesan ke atas jiwa manusia berlipat ganda berbanding penggunaan bahasa biasa.
5. Keindahan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* kelihatan pada imaginasinya tentang maksud yang mempengaruhi jiwa pendengar, lalu ia tersemat di hati secara ringkas dan *muba:laghat* dengan sebab pengabaian *al-tashbi:h* dan gambaran *al-mushabbah* dalam bentuk *al-mushabbabih*.
6. *Bala:ghat al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* berlaku dengan sebab ia mempunyai inspirasi dan pengaruh dalam bentuk kesenian yang dibawa oleh lafaz, demikian juga ia mempunyai unsur yang menyembunyikan keterpengaruan dan mengambarkan emosi. Ruh yang ditiup oleh sasterawan merupakan sesuatu yang memberi tenaga (*hayawiyyat*) dan kekuatan.

12. Rahsia *bala:ghat al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* datang daripada dua sudut, iaitu lafaz dan rekaan.

Dari segi lafaz, rahsia tersebut berasaskan kepada struktur *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang menunjukkan pengabaian *al-tashbi:h* dan pemerhatian secara sengaja kepada imaginasi gambaran baru yang mengabaikan *al-tashbi:h* yang tersembunyi. Dari segi rekaan dan keindahan hayalan pula, lapangannya terbuka luas untuk ciptaan dan kreativiti.

13. Dari segi pembahagian, *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada beberapa bahagian bergantung kepada perhitungan yang berbeza. Berdasarkan *mushabbah* dan *mushabbabih (tarafayn)* ia terbahagi kepada beberapa bahagian sebagaimana berikut :

1. *Mushabbah* dan *mushabbabih al-'Isti<sup>c</sup>a:rat hissiyyayn* atau *'aqliyyayn* atau salah satu daripada keduanya *hissiyy* dan yang berikutnya *'aqliyy*. Demikian juga dari segi *al-jami:c*. Ia boleh berbentuk *hissiyy* atau *'aqliyy*. Dalam hal ini *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada pembahagian berikut :

A. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Mahsu:s Li al-Mahsu:s*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *al-tarafayn* (*al-mushabbah* dan *al-mushabbabih*) yang boleh dicapai oleh pancaindera, manakala *al-ja:mi:c* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut merupakan sesuatu yang boleh dicapai oleh pancaindera atau akal.

B. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Ma<sup>c</sup>qu:l Li al-Ma<sup>c</sup>qu:l*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *al-tarafayn* (*al-mushabbah* dan *al-mushabbabih*) yang boleh dicapai oleh akal, manakala *al-ja:mi:c* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut merupakan sesuatu yang hanya dicapai oleh akal.

C. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Mahsu:s Li al-Ma<sup>c</sup>qu:l*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *mushabbabih* yang boleh dicapai oleh pancaindera, manakala *mushabbah* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut merupakan sesuatu yang hanya dicapai oleh akal.

D. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Ma<sup>c</sup>qu:l Li al-Mahsu:s*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *mushabbabih* yang boleh dicapai oleh akal, manakala *mushabbah* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut merupakan sesuatu yang hanya dicapai oleh pancaindera.

2. Lafaz kedua-duanya *mushtaqqayn* atau *ghayr mushtaqqayn*. Dalam hal ini *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-'Asliyyat* dan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Tab<sup>c</sup>iyyat*.
  3. Lafaz kedua-duanya disebut atau sebaliknya. Kadang-kadang disebut *mushabbahbih* dan kadang-kadang disebut *mushabbah*. Dalam hal ini *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada *al-'Isti<sup>c</sup>ia:rat al-Tasri:hiyyat* dan *al-'Isti<sup>c</sup>ia:rat al-Makniyyat*.
  4. *Mushabbah* dan *mushabbahbih* *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat mufradayn* atau *murakkabayn*. Dalam hal ini *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-mufradat* dan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Tamthi:liyyat*.
  5. Kadang-kadang *mushabbah* dan *mushabbahbih* *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* boleh berhimpun dan kadang-kadang di sebaliknya. Dalam hal ini *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Wifa:qiyyat* dan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-<sup>c</sup>Ina:diyyat*.
  6. Kadang-kadang disebut bersama *mushabbah* dan *mushabbahbih* *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* sesuatu yang sinonim dengan salah satu daripada keduanya dan kadang-kadang tidak disebut. Dalam hal ini *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Mujarradat*, *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Murashshahat* dan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Mutlaqat*.
  7. *Mushabbah al-'Isti<sup>c</sup>a:rat hissiyy* atau *<sup>c</sup>aqliyy* atau sebaliknya. Dalam hal ini *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Tahqi:qiyyat* dan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Takhyi:liyyat*.
14. Selain dari *mushabbah* dan *mushabbahbih* (*tarafayn*), *al-ja:mi<sup>c</sup>* juga memainkan peranan dalam pembahagian *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat*, iaitu samada ia merupakan perkara yang mudah atau perkara yang memerlukan pemerhatian. Dalam hal ini *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* terbahagi kepada tiga pembahagian, seperti berikut:
1. Pembahagian pertama berdasarkan kepada *al-ja:mi<sup>c</sup>*, *al-mushabbah* dan *al-mushabbahbih*. Ia terbahagi kepada enam bahagian, iaitu :

- A.      '*Isti<sup>c</sup>a:rat Mahsu:s Li Mahsu:s Bi Wajh Hissiyy*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *tarfayn* (*mushabbah* dan *mushabbahbih*) yang boleh dicapai oleh pancaindera, demikian juga *al-ja:mi<sup>c</sup>* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut.
- B.      '*Isti<sup>c</sup>a:rat Mahsu:s Li Mahsu:s Bi Wajh <sup>c</sup>Aqliyy*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *tarfayn* (*mushabbah* dan *mushabbahbih*) yang boleh dicapai oleh pancaindera, manakala *al-ja:mi<sup>c</sup>* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut sesuatu yang hanya boleh dicapai oleh akal.
- C.      '*Isti<sup>c</sup>a:rat Mahsu:s Li Mahsu:s* yang mempunyai *al-ja:mi<sup>c</sup>* yang berbeza; sebahagiannya *hissiyy* dan sebahagian yang lain *<sup>c</sup>aqliyy*, iaitu '*isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *tarfayn* (*mushabbah* dan *mushabbahbih*) yang boleh dicapai oleh pancaindera, manakala *al-ja:mi<sup>c</sup>* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut bercanggah, sebahagiannya *hissiyy* dan sebahagian yang lain *<sup>c</sup>aqliyy*.
- D.      '*Isti<sup>c</sup>a:rat Ma<sup>c</sup>qu:l Li Ma<sup>c</sup>qu:l*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *tarfayn* (*mushabbah* dan *mushabbahbih*) yang boleh dicapai oleh akal, demikan juga *al-ja:mi<sup>c</sup>* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut merupakan sesuatu yang hanya dicapai oleh akal.
- E.      '*Isti<sup>c</sup>a:rat Mahsu:s Li Ma<sup>c</sup>qu:l*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *musta<sup>c</sup>a:r* yang boleh dicapai oleh pancaindera, manakala *musta<sup>c</sup>a:r lahu* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut merupakan sesuatu yang hanya dicapai oleh akal.
- F.      '*Isti<sup>c</sup>a:rat Ma<sup>c</sup>qu:l Li Mahsu:s*, iaitu *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *musta<sup>c</sup>a:r* yang boleh dicapai oleh akal, manakala *musta<sup>c</sup>a:r lahu* bagi *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut merupakan sesuatu yang hanya dicapai oleh pancaindera.

2. Pembahagian kedua terbahagi kepada dua bahagian, iaitu :

- A.      *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *al-ja:mi<sup>c</sup>* yang berkaitan dengan pengertian dua rukun utamanya (*al-mushabbah* dan *al-mushabbahbih*)
- B.      *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *al-jami<sup>c</sup>* yang tidak berkaitan dengan pengertian dua rukun utamanya (*al-mushabbah* dan *al-mushabbahbih*). Ia terkeluar daripada

definisi kedua-duanya, bahkan ia hanya menjadi sifat yang dikongsi bersama di antara *al-mushabbah* dan *al-mushabbabih*.

3. Pembahagian ketiga terbahagi kepada dua bahagian, iaitu :

A. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Qari:bat* atau *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-<sup>c</sup>A:mmat*

Ia merupakan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *al-jami<sup>c</sup>* yang dapat dilihat dengan mudah tanpa memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian

B. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Ba<sup>c</sup>i:dat* atau *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Kha:ssat*

Ia merupakan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *al-ja:mi<sup>c</sup>* yang sukar dilihat dan dicapai, bahkan ia memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian kecuali bagi orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.

#### **6.1.5 *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* dalam Hadis-hadis Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n***

Berdasarkan analisis yang dijalankan dalam bab empat dapat disimpulkan rumusan-rumusan berikut :

1. Tidak terdapat perbezaan peratusan yang ketara di antara kategori 'IT dan'IM, 'IA dan 'IB, 'IH dan 'IKH, di mana perbezaan peratusan yang paling tinggi ialah pada 'IT dan'IM. Perbezaan di antara kedua-dua 'I tersebut ialah 10.64 peratus. Bagaimanapun terdapat perbezaan peratusan yang ketara pada kategori-kategori yang lain. Daripada kategori-kategori *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai perbezaan peratusan yang ketara dapat dirumuskan kesimpulan-kesimpulan berikut :

1. 'IW mencapai peratusan yang lebih tinggi (62.76 %) berbanding 'IN (37.23%).

2. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *musta<sup>c</sup>a:r (mushabbabih)* yang boleh dicapai pancaindera mencapai peratusan yang lebih tinggi (90.42%) berbanding *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *musta<sup>c</sup>a:r(mushabbabih)* yang boleh dicapai oleh akal dan tidak dicapai pancaindera (9.57%).

3. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *ja:mi<sup>c</sup>* yang boleh dicapai oleh akal mencapai peratusan yang lebih tinggi (69.15%) berbanding *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *ja:mi<sup>c</sup>* yang boleh dicapai oleh pancaindera (25.53%), *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *ja:mi<sup>c</sup>* yang boleh dicapai oleh pancaindera dan akal (4.25%) dan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *ja:mi<sup>c</sup>* lebih dari satu (1.06%).
  4. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *ja:mi<sup>c</sup>* yang merupakan sifat yang dikungsi bersama oleh *mushabbah* dan *mushabbahbih* mencapai peratusan yang lebih tinggi (90.42%) berbanding *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang mempunyai *ja:mi<sup>c</sup>* yang berkaitan dengan definisi *mushabbah* dan *mushabbahbih* (8.51%). Selain itu, terdapat 1.06% *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang tidak dapat ditentukan sebagai salah satu daripada kedua-dua kategori *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* tersebut kerana ia mempunyai beberapa *jami<sup>c</sup>* yang lahir daripada beberapa 'I di dalam satu *tarki:b*. Ia merupakan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Tamhi:liyyat*.
  5. Semua *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* yang dianalisis dalam kajian ini merupakan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Qari:bat* kerana *ja:mi<sup>c</sup>* nya merupakan sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian.
  6. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Mutlaqat* mencapai peratusan tertinggi (53.19%) berbanding *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Mujarradat* (31.91%) dan *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Murashshahat* (14.89%).
  7. *Al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Mufradat* mencapai peratusan yang lebih tinggi (93.62%) berbanding *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat al-Tamhiliyyat* (6.38%).
- 
2. Terdapat kepelbagaiannya gaya bahasa *al-'Isti<sup>c</sup>a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Ini menggambarkan kefasihan dan kebijaksanaan Rasulullah s.a.w.

dalam berkomunikasi dan menyampaikan risalah Allah SWT. Hal ini mengajak umat Islam amnya dan cendikiawan Islam khususnya memerhati dan mengkaji maksud dan struktur hadis secara mendalam merangkumi aspek balaghah dan tatabahasa.

3. Gaya bahasa *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai unsur '*i:ja:z* dan *jawa:mi*' *al-kalim* di mana ia dapat memberi maksud yang mendalam dan luas dengan penggunaan lafaz yang ringkas. Ini menggambarkan kalam Rasulullah s.a.w. mempunyai hikmah dan kehebatan yang tidak boleh ditandingi manusia.

4. Gaya bahasa *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mempunyai maksud yang jelas dan jauh dari unsur paksaan dan kecelaruan. Antara daptan yang membuktikan kenyataan ini ialah semua *al-'Isti'a:rat* yang dianalisis di dalam kajian ini merupakan *al-'Isti'a:rat al-Qari:bat*, iaitu *al-'Isti'a:rat* yang mempunyai *ja:mi*' yang boleh dicapai dengan mudah tanpa memerlukan perhatian mendalam.

#### **6.1.6 Keberkesanan Teori *al-'Isti'a:rat* dalam Penghayatan Makna Hadis-hadis Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di Kalangan Guru-guru Kitab Tersebut di Semenanjung Malaysia**

Berdasarkan soal selidik bahagian 1, 2, 3, 4,5 dan 7<sup>571</sup> yang menjadi asas utama kepada penilaian keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan

---

<sup>571</sup> Bahagian-bahagian tersebut ialah :

1. Persepsi guru tentang kepentingan ilmu Balaghah dalam menghayati makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 1.
2. Persepsi guru tentang kesan *al-'Isti'a:rat* terhadap makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 13.
3. Kesan *al-'Isti'a:rat* terhadap terjemahan hadis dan huraiannya maksudnya di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 14.
4. Kesan *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna dan maksud hadis yang tersirat di kalangan pelajar. Bahagian ini terdiri daripada item15.
5. Penghayatan *al-'Isti'a:rat* dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 2,3,4,5,6,7 dan12.
7. Penghayatan *Balaghah* dan teori Semantik secara umum dalam menyampaikan maksud hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 10 dan 11. Lihat bab lima, h.343.

guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di Semenanjung Malaysia dapat disimpulkan rumusan-rumusan berikut :

1. Peratusan dapatan keseluruhan bagi soal selidik bahagian-bahagian ini mencapai 81.35%. Dapatan ini menggambarkan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia.
2. Selain dari perkara di atas, rujukan terjemahan dan huraian (bahagian 6), persepsi guru terhadap kepentingan ABM dalam pengajaran (bahagian 8) dan penggunaan ABM dalam pengajaran (bahagian 9) dapat dilihat sebagai perkara-perkara yang mewarnai amalan pengajaran. Bagaimanapun ia tidak menjadi perkara yang mempengaruhi penilaian keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis.
3. Dari sudut yang lain, dapatan soal selidik untuk pelajar bahagian 1, 3, dan 4<sup>572</sup> yang menjadi asas utama kepada penilaian keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di Semenanjung Malaysia mencapai 86.31%. Dapatan ini juga menggambarkan keberkesanan teori tersebut dalam penghayatan makna hadis.
4. Selain dari perkara di atas, persepsi pelajar tentang kesan *al-'Isti'a:rat* terhadap pemahaman makna dan maksud hadis (bahagian 2), rujukan pengajaran (bahagian 5), penggunaan ABM dalam pengajaran (bahagian 6) dan minat pelajar dalam mempelajari hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat* (bahagian 7) dapat dilihat sebagai perkara sampingan yang tidak mempengaruhi penilaian keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis di kalangan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di

---

<sup>572</sup> Bahagian-bahagian tersebut ialah :

1. Persepsi pelajar terhadap kepentingan Balaghah dan *al-'Isti'a:rat* dalam menghayati makna hadis. Bahagian ini terdiri daripada item 1 dan 2.
3. Penilaian pelajar terhadap penghayatan *al-'Isti'a:rat* dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 3, 4, 5, 7, 8, 12, 13, 15, 16, 17 dan 18.
4. Penghayatan Balaghah secara umum dalam menyampaikan maksud hadis di kalangan guru. Bahagian ini terdiri daripada item 9. Lihat bab lima, h.367-368.

Semenanjung Malaysia. Bagaimanapun ia berfungsi sebagai pembuka minda kepada item-item yang berkaitan dengan persoalan kajian.

5. Daripada keseluruhan dapatan soal selidik untuk guru dan pelajar dapat disimpulkan bahawa keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia berkait rapat dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, penguasaan ilmu di kalangan guru dan latar belakang pendidikan guru, selain komitmen dan keikhlasan mereka dalam pengajaran. Dapatan item-item bahagian B bagi soal selidik untuk pelajar berikut membuktikan kenyataan ini :

i. Dapatan Item 13 menunjukkan 11 orang pelajar kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini menjiwai rahsia balaghah *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada sesuatu hadis setelah mengikuti kelas pengajian kitab tersebut. Manakala dapatan item 15 pula menunjukkan keseluruhan pelajar berkaitan (12 orang) bersetuju dengan penyataan bahawa mereka dapat merasai kewujudan *al-'Isti'a:rat* di dalam sesuatu hadis setelah mengikuti pengajian kitab tersebut. Sementara itu, dapatan item 16 menunjukkan keseluruhan pelajar berkaitan (12 orang) bersetuju dan sangat bersetuju dengan penyataan bahawa mereka dapat memahami terjemahan al-Quran dan hadis dengan lebih baik setelah didedahkan dengan *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

ii. Selain dapatan item-item di atas, dapatan item 17 dan item 18 juga menunjukkan perkara yang sama. Dapatan item 17 menunjukkan keseluruhan pelajar berkaitan bersetuju dan sangat bersetuju dengan penyataan bahawa *al-'Isti'a:rat* yang terdapat di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* mudah difahami. Manakala dapatan item 18 pula menunjukkan keseluruhan pelajar berkaitan bersetuju dan sangat bersetuju dengan penyataan bahawa mereka dapat memahami hadis-hadis yang mempunyai *al-'Isti'a:rat* dengan lebih baik setelah mengikuti kelas pengajian kitab tersebut.

6. Dari segi latar belakang pendidikan guru, dapat dilihat pada item 5 bahagian A bagi soal selidik untuk guru. Dapatkan menunjukkan guru-guru berkenaan mempunyai kelayakan yang cukup untuk mengendalikan pengajaran kitab tersebut. Majoriti responden (7/8 orang) memiliki sekurang-kurangnya Sarjanamuda dalam bidang-bidang pengajian Islam dan 1 orang responden merupakan lulusan pondok.

## 6.2 Cadangan

Berdasarkan kajian ini yang merangkumi aspek teori, analisis kitab dan kajian lapangan, penulis mengemukakan cadangan-cadangan berikut :

1. Para cendikiawan Islam, khususnya yang berkecimpung secara langsung dalam bidang bahasa Arab perlu mengkaji dan mendalami kepakaran dan sumbangan Imam al-Nawawi: dalam bidang bahasa Arab sebagaimana dalam bidang fiqh dan hadis dengan mengkaji aspek bahasa Arab pada karya-karya tulisan beliau yang terkenal.
2. Para pendidik dan pendakwah perlu menjadikan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai teks atau rujukan pengajaran dan pendakwahan mereka dalam bidang akhlak dan tasawuf. Ini kerana kitab tersebut merupakan himpunan hadis-hadis pendidikan ruhani yang disusun secara berkesan oleh ulama agong yang terkenal dengan kewarakan dan kezuhudan. Selain itu, mereka juga harus menitikberatkan aspek bahasa dan balaghah dalam menerangkan maksud hadis bagi memestikan hadis-hadis tersebut dapat dihayati dengan baik.
3. Diharap para ulama pencinta hadis Rasulullah s.a.w. berusaha menyebarkan aspek balaghah hadis Rasulullah s.a.w. secara berkesan melalui pengajaran, pendakwahan dan penyelidikan kerana maksud *al-Baya:an al-Nabawi:* tersembunyi di sebalik mafhumnya secara balaghah.
4. Para cendikiawan Islam, khususnya yang berkecimpung secara langsung dalam bidang bahasa Arab dapat menyediakan mukjam *al-'Isti'a:rat* yang terdapat di dalam

kitab-kitab hadis terutamanya *Sunan Sittat*. Mukjam ini diharap dapat membantu pelajar, pendakwah dan masyarakat umum dalam memahami hadis secara mendalam.

5. Kedudukan guru-guru kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* yang menjadi responden kajian ini boleh dipertingkatkan dari segi penguasaan ilmu Balaghah dan keberkesanannya dalam menyampaikan maksud hadis-hadis kitab tersebut dengan latihan dan pendedahan tentang ilmu Balaghah, khususnya Balaghah Hadis. Proses pendedahan tersebut boleh dilakukan melalui seminar, bengkel, latihan perguruan dan penyelidikan yang berterusan.

6. Diharap pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mengembangkan lagi matapelajaran Bahasa Arab di peringkat SPM dengan menerapkan ilmu Balaghah di dalam matapelajaran tersebut. Contoh-contoh yang didatangkan mestilah daripada ayat-ayat al-Quran, hadis, syair dan ayat-ayat yang sering digunakan dalam percakapan harian. Selain itu, para pelajar didedahkan dengan kesedaran bahawa keindahan dan rahsia hadis dan al-Quran tidak dapat dihayati tanpa mendalami ilmu Balaghah.

7. Diharap institusi-institusi pengajian tinggi Islam tempatan dan luar Negara perihatinya terhadap kepentingan balaghah hadis dengan mengadakan seminar secara khusus berkaitan perkara tersebut di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Seminar tersebut diadakan secara bersiri melibatkan badan-badan pendidikan Islam berpengaruh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Liga Negara Arab dan ISESCO.

8. Para cendikiawan Islam, khususnya yang berkecimpung secara langsung dalam bidang bahasa Arab dan hadis mengkaji secara mendalam tentang balaghah hadis, khususnya berkaitan *al-Maja:za:t al-Nabawiyyat*. Kajian tersebut merangkumi aspek teori, analisis teks dan kajian lapangan. Selain itu, kajian yang berkesan perlu dijalankan bagi mengeluarkan kitab ilmu Balaghah yang menekankan contoh-contoh daripada hadis di samping al-Quran, syair dan ayat-ayat yang sering digunakan dalam percakapan

harian. Perhatian juga perlu diberikan kepada aspek perbandingan di antara balaghah Arab dan balaghah Melayu.

9. Pihak media cetak dan elektronik perlu mendedahkan kepada masyarakat keindahan bahasa hadis Rasulullah s.a.w. di samping al-Quran, khususnya hadis-hadis dan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan bahasa kiasan dan metafora.

### **6.3 Cadangan Penyelidikan Lanjutan**

Berdasarkan dapatan kajian ini penulis mencadangkan kajian-kajian berikut sebagai penyelidikan lanjutan kepada kajian ini :

1. Kajian secara mendalam tentang kepakaran dan sumbangan Imam al-Nawawi: dalam bidang bahasa Arab dengan memfokuskan kepada kajian teks karya-karya tulisan beliau yang terkenal terutamanya dalam bidang berkaitan, contohnya kitab *Tahri:r al-Tanbi:h*.
2. Kajian secara mendalam tentang kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dalam aspek pendidikan dan pentarbiahan. Kajian juga harus menumpukan kepada aspek penerapan nilai pentarbiahan yang terdapat dalam kitab tersebut dalam sistem pendidikan masa kini.
3. Kajian berkaitan balaghah hadis secara menyeluruh. Selain itu, kajian juga perlu menjurus ke arah penerbitan buku dan rujukan dalam bidang tersebut yang boleh dimanfaatkan oleh para pendididik, pendakwah dan masyarakat Islam seluruhnya.
4. Kajian berkaitan unsur-unsur balaghah yang terdapat pada *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Kajain ini boleh dihadkan kepada unsur-unsur balaghah tertentu, contohnya unsur-unsur *al-Baya:n*, *al-Badi:c* dan *al-Ma:a:ni:*. Cadangan ini berdasarkan kajian penulis sebelum ini tidak menyentuh perkara-perkara tersebut disebabkan ruang lingkup kajian yang sediada agak luas dan memerlukan analisis yang mendalam. Dengan kajian yang mendalam tentang topik yang

dicadangkan, diharap ia akan dapat mendedahkan rahsia dan keindahan balaghah hadis Rasulullah s.a.w. yang terdapat di dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

5. Kajian berkaitan keberkesanan teori *al-'Isti'a:rat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia. Cadangan ini berdasarkan kajian penulis sebelum ini yang menyentuh tentang topik ini secara sampingan sebagai sokongan kepada topik asal kajian ini, iaitu *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Dengan kajian yang mendalam tentang topik yang dicadangkan, diharap ia akan memberi dapatan yang lebih mantap dan berkesan dalam memperbaiki pedagogi pengajaran hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, ia akan menjadi kajian contoh kepada kajian keberkesanan teori balaghah yang lain.

6. Kajian perbandingan di antara *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dengan metafora yang terdapat di dalam bahasa Melayu. Kajian ini diharap dapat memberi kefahaman yang mendalam tentang rahsia *al-'Isti'a:rat* di dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di samping ia dapat dikaitkan dengan penggunaan harian dalam percakapan.

#### **6.4 Kesimpulan**

Berdasarkan rumusan di atas dapat disimpulkan bahawa unsur-unsur *al-'Isti'a:rat* yang terdapat pada hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* membuktikan keindahan bahasa Rasulullah s.a.w. yang mempunyai hikmah dan bersifat rabba:ni:. Keindahan tersebut tidak boleh dicapai tanpa ilmu yang mendalam tentang balaghah di samping anugerah

daripada Allah SWT kerana ia merupakan wahyu. Hal ini menepati firman Allah SWT :

وَمَا يَنْطِقُ عَنْ أَهْوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya :

Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam)menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahi yang diwahikan kepadanya.

Surah al-Najm (53) : 3-4

Dari sudut yang lain dapat disimpulkan bahawa dapatan soal selidik untuk guru dan pelajar secara keseluruhan menunjukkan tahap keberkesanan teori *al-'Isti'ārat* dalam penghayatan makna hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* di kalangan guru-guru kitab tersebut di Semenanjung Malaysia amat memberangsangkan.

Mengakhiri kajian ini diharap ia akan memberi manfaat kepada pengkaji dan pencinta bahasa al-Quran dalam menghayati balaghah hadis Rasulullah s.a.w. Semoga segala usaha diberkati dan dirahmati Allah SWT.